

Pengurusan panitia, kualiti pengajaran dan komitmen kerja guru terhadap pencapaian Bahasa Melayu di Negeri Sabah

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti pengurusan panitia, kualiti pengajaran dan komitmen guru terhadap pencapaian Bahasa Melayu di Negeri Sabah. Pengurusan panitia dilihat dalam aspek prinsip pengurusan panitia, sifat sendiri dan kemahiran pengurusan. Kualiti pengajaran dilihat dari sudut dimensi persediaan pengajaran, penyampaian pengajaran dan aspek tingkah laku. Seterusnya pemboleh ubah komitmen kerja dilihat dari aspek kesediaan untuk kekal dalam organisasi dan kesediaan untuk memenuhi matlamat organisasi. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan Teori Pengurusan Saintifik Taylor, Teori Vroom dan Teori Side Bet. Pengkaji telah menggumpul sebanyak 335 soal selidik yang telah dijawab dalam kalangan responden guru yang mengajar Bahasa Melayu dan mewakili seluruh sekolah menengah bantuan penuh kerajaan di Negeri Sabah dengan menggunakan persampelan berkelompok, persampelan kluster dan persampelan rawak mudah. Manakala data pula dianalisis menggunakan program SPSS for Windows Versi 25.0. Ujian korelasi Pearson telah digunakan untuk menganalisis data yang dikutip. Dari segi hubungan, didapati bahawa terdapat korelasi positif yang signifikan antara Pengurusan Panitia dan pencapaian Bahasa Melayu ($r = .675$, $P < .05$). Manakala bagi pemboleh ubah kualiti pengajaran pula terdapat hubungan positif yang signifikan dengan pencapaian Bahasa Melayu ($r = .787$, $P < .05$). Seterusnya terdapat hubungan yang signifikan antara Komitmen kerja Guru dan pencapaian Bahasa Melayu ($r = .833$, $P < .05$). Pengkaji turut mencadangkan agar pihak berwajib bersama-sama mengembleng tenaga untuk memastikan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sentiasa cemerlang sejajar dengan taraf Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.